



PRO CANCELOR

PERTAMA **Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat



*Uj. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat
telah diisytiharkan sebagai
Pro Canselor pertama
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
di Majlis Konvokesyen Keempat
pada tanggal 9 Ogos 2008.*



Pengenalan

Johari bin Mat dilahirkan pada tanggal 15 September 1944 di Kampung Kelemak, Alor Gajah, Melaka. Bermula daripada seorang anak kampung, beliau telah berjaya meningkatkan dirinya menjadi seorang tokoh yang dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kampung Kelemak dan Alor Gajah English School, seterusnya menamatkan pendidikan menengah sehingga ke tingkatan enam atas pada tahun 1964 di Malacca High School.

Semasa zaman persekolahan, beliau seorang pelajar yang aktif dalam kokurikulum dan sukan, dan telah mengetuai persatuan ekonomi, bahasa Melayu serta menjadi editor Suara Pelajar. Beliau juga telah dilantik sebagai pengawas sekolah dan asrama serta menyertai pasukan kadet polis.

Pada tahun 1968, beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Geografi dari Universiti Malaya, kemudian disusuli dengan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah dari University of Southern California, Los Angeles, USA (1979).

Pencapaian akademik beliau diperkukuhkan lagi dengan mengikuti kursus-kursus di Royal Institute of Public Administration, London (1971); Core Officers Training Institute, Seoul, Korea (1986) dan "Advanced Management Program" di Harvard University (1997).

Menjadi satu kelebihan bagi seorang penjawat awam untuk mempunyai kelayakan profesional sebagai perancang bandar dan wilayah. Tan Sri Datuk Dr. Johari adalah seorang Chartered Member of the Malaysian Institute of Planners' dan masih aktif sehingga kini.

Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Puan Sri Zarina Fazle Hussein pada April 1974 dan dikurniakan dengan dua orang cahaya mata.



Seorang tokoh yang bijaksana
dan profesional

Kerjaya

Tan Sri Datuk Dr. Johari telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 33 tahun bermula dari 1968 hingga 2001. Jawatan penting yang pernah beliau sandang adalah sebagai pengarah INTAN dan pengarah Sekretariat Perancangan Lembah Klang, Jabatan Perdana Menteri. Ini disusuli dengan jawatan Ketua Setiausaha (KSU) di tiga buah kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan. Jawatan beliau sebagai KSU di Kementerian Pendidikan adalah yang terakhir dan paling lama pernah disandang iaitu selama 7 tahun (1995 - 2001).

Semasa dalam perkhidmatan awam, Tan Sri Datuk Dr. Johari sering kali ditugaskan sebagai ketua delegasi, perunding atau penasihat kepada organisasi antarabangsa seperti UNESCO, UNCRD, APDC, SEAMEO, ASCEO dan COL. Beliau juga telah terlibat dalam pelbagai inisiatif bagi mewujudkan hubungan kerjasama yang berkaitan dengan pengajian tinggi di negara-negara seperti Australia, New Zealand, Kanada, China, Indonesia, Afrika Selatan dan Korea Selatan. Beliau juga merupakan Presiden bagi Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dari tahun 1996 - 1998.

Walaupun sudah bersara dari perkhidmatan awam, sifat ingin berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara masih lagi diteruskan. Beliau adalah pengerusi kepada Koperasi Setia (M) Bhd., United Plantation Berhad, Edumonde Sdn. Bhd. dan Airebus Sdn. Bhd. Juga menjadi Presiden kepada Malaysian Danish Business Council, Malaysian University of Southern California Alumni (MUSCA) dan Cyberjaya University College of Medical Sciences. Selain itu, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah yang berpengaruh kepada beberapa syarikat swasta di Malaysia dan antarabangsa.

Sumbangan bakti beliau kepada masyarakat dan negara telah diiktiraf dengan penganugerahan darjah kebesaran seperti Panglima Setia Negara (PSM) - 1998, Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) - 1994 dan Johan Setia Mahkota (JSM) - 1992.




Berpengalaman luas,
berkaliber dan diiktiraf
di peringkat antarabangsa

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Di antara tiga jawatan KSU yang pernah disandang oleh beliau, KSU di Kementerian Pendidikan merupakan tugas yang paling lama dan mencabar bagi Tan Sri Datuk Dr. Johari. Ini disebabkan pada masa tersebut proses penjanaaan semula halatuju pendidikan tinggi negara sedang dilaksanakan. Tan Sri Datuk Dr. Johari telah memainkan peranan penting dalam proses tersebut dengan penggubalan akta-akta seperti Akta Pendidikan (Pindaan) 1996, Akta Universiti Kolej Universiti (Pindaan) 1996, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Nasional (1996), Akta Pendidikan Tinggi Swasta (1996), Akta Lembaga Akreditasi Negara (1997) dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (1997).

Dengan pembaharuan ini, bermulalah dasar keterbukaan universiti kepada masyarakat serta peningkatan peranan institusi pengajian tinggi swasta dan antarabangsa dalam pendidikan tinggi di Malaysia. Secara tidak langsung, usaha ini telah membolehkan Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi di Asia Tenggara.

Sumbangan beliau dalam pendidikan tinggi negara telah diiktiraf oleh Universiti Malaya dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat (Pendidikan) pada tahun 2002.



*Takoh penting dalam
pembaharuan pendidikan
tinggi negara*

Perintis Penubuhan KUTKM

Apabila timbulnya inspirasi dan kesediaan negeri Melaka untuk mewujudkan sebuah universiti, Tan Sri Datuk Dr. Johari yang pada masa itu merupakan KSU Kementerian Pendidikan telah menjadi tenaga penggerak utama di dalam merealisasikan hasrat tersebut. Sebagai seorang anak Melaka, beliau begitu teruja dan merasa bertanggungjawab untuk memastikan universiti tersebut diwujudkan.

Beliau merupakan pengerusi bagi jawatankuasa perintis dalam merangka konsep penubuhan universiti yang berteraskan teknikal dan perkongsian industri. KUTKM sebagai sebuah universiti telah dapat direalisasikan penubuhannya pada tahun 2001. Sumbangan Tan Sri Datuk Dr. Johari di KUTKM berterusan dengan pelantikan beliau sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah universiti. Ini memberi ruang kepada beliau untuk meneruskan wawasan bagi kecemerlangan KUTKM di persada dunia. KUTKM kemudian telah ditukarkan namanya kepada UTeM pada 1 Februari 2007.



*Sebagai penjawat awam,
beliau telah memainkan peranan
penting dari segi konsep
dan penubuhan KUTKM*

Pegangan Hidup

Tan Sri Datuk Dr. Johari percaya untuk berjaya, seseorang itu perlulah berintegriti, dedikasi, dan mempunyai perancangan.

Pada pendapat beliau, sifat integriti adalah amat penting bagi seseorang individu terutama bagi penjawat awam yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Integriti akan memastikan seseorang bekerja dengan cemerlang, tanpa membuat tuntutan yang tidak munasabah dan tidak akan terpengaruh dengan rasuah.

Tan Sri Datuk Dr. Johari adalah seorang yang berdedikasi dalam tugas-tugas beliau di mana semua kerja disempurnakan dan siap dalam masa yang diberi. Beliau berkata adalah penting bagi generasi muda untuk membudayakan sifat dedikasi ini jika ingin berjaya dalam kerjaya dan masyarakat.

Seseorang itu perlu mempunyai perancangan samada dari segi kewangan mahupun dari aspek halatuju kerjaya. Beliau percaya simpanan di peringkat awal kehidupan adalah penting. Dengan menabung awal, masa depan akan lebih terjamin kerana simpanan wang yang mencukupi akan dapat membiayai pendidikan mahupun kehidupan.

Walaupun pada masa sekarang beliau telah diiktiraf sebagai seorang yang berjaya, beliau masih lagi mengamalkan budaya untuk sentiasa mempunyai perancangan kerjaya. Beliau percaya seseorang yang mempunyai pemikiran sedemikian akan terus memperbaiki diri dan mencari peluang-peluang baru untuk diceburi.



Pelantikan beliau akan
memberi manfaat berterusan
kepada UTeM



*Dengan ini,
warga UTeM mengucapkan
setinggi-tinggi tahniah kepada
Uj. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat
di atas pelantikan beliau
sebagai Pro Canselor UTeM yang pertama.*



Disediakan oleh

Jawatankuasa 6

✧ Saifeh ✧ Fararishah ✧ Siti Rohana ✧
✧ Sabri ✧ Md. Nor ✧ Ahmad Masmuliyadi ✧